

BAB KEDUA

KERANGKA TEORITIS KAJIAN

2.0 Pendahuluan

Tradisi perkamusian di Nusantara melalui transisi yang agak lama sehingga menempatkannya setua dengan kamus-kamus lain di dunia. Perkembangan yang berlaku dalam aktiviti perkamusian Melayu/Indonesia hari ini merupakan kesinambungan daripada tradisi yang telah dibina sejak beratus-ratus tahun, bahkan seribu tahun yang lalu. Jika ditelusuri sejarah awal perkamusian Melayu, dalam lingkungan kebudayaan Melayu-Indonesia sudah ada kamus bahasa Sanskrit-Jawa Kuno yang sudah berusia 1000 tahun (A.Teeuw: 1964: 339). Hakikat ini diperjelas dengan penemuan naskhah Candrakarana atau Amaramala, sebuah daftar kata Sanskrit-Jawa Kuno dari Batang Lontar yang berasal dari abad kelapan (Maman S. Mahayana 1993: 20). Ternyata naskhah kamus ini jauh lebih tua daripada catatan E. D. Edward dan C.O Blagden ‘*A Chinese Vocabulary of Malacca Words and Phrases collected between A.D 1403 and 1511*’ atau himpunan 482 daftar senarai kata Melayu-Cina yang dikumpul sekitar 1403-1511 (Asmah Omar 1987:3). Namun Liang Liji (1994:10) telah memberi satu perspektif baru apabila menjelaskan bahawa daftar kata tersebut sebenarnya ialah *Man La Jia Gua Yi Yu* (Senarai Perkataan Negeri Melaka) bukan hasil usaha keturunan Tiongkok di Melaka, melainkan sumbangan orang Tionghua di Tiongkok.

Senario penyusunan kamus yang berlaku di alam Melayu/Indonesia merupakan ‘*sunatullah*’ seperti yang berlaku terhadap kebudayaan Greek dan Latin dalam kebudayaan Turki dan Arab serta kebudayaan Sanskrit dalam kebudayaan Jawa. Setiap

kebudayaan berasa perlu untuk menyusun kamus kerana kamus disusun lebih kepada keperluan praktis. Misalnya dalam leksikografi Arab yang muncul pada abad ketujuh yang menyusun kamus untuk menerangkan kata-kata yang terdapat dalam Al-Quran. Di England muncul glosari dwibahasa pertama apabila seorang guru menyusun glosari Latin-Inggeris untuk membantu pelajarnya memahami teks yang ditulis dalam bahasa Latin. Begitu juga dalam konteks perkamusan Melayu /Indonesia apabila didapati berasa perlu untuk menterjemah karya bahasa Sanskrit ke dalam bahasa Jawa Kuno yang sekali gus terciptanya kamus Sanskrit dengan padanan kata dalam bahasa Jawa Kuno. Kedatangan Islam dan diikuti dengan penjajahan kuasa Barat telah mencetuskan ‘world view’ baru dalam revolusi pemikiran dan aktiviti berkarya di Nusantara. Segala tabir rasionalisme dan intelektualisme yang mendasari karya-karya falsafah, mantik, dan sastera tidak akan lengkap tanpa adanya panduan seperti kamus untuk menjelaskan apa-apa yang tersirat di sebalik kata-kata tersebut.

Kini penyusunan kamus menjadi agenda penting dalam proses kodifikasi bahasa. Dalam konteks perancangan bahasa, penyusunan kamus merupakan usaha kodifikasi bahasa yang menjadi bahagian penting dalam pembinaan, pengembangan dan pembakuan bahasa. Atas pertimbangan ini penyusunan kamus dijadikan satu juzuk penting yang mencorakkan arah perancangan bahasa ses sebuah gapura ilmu seperti Dewan Bahasa dan Pustaka yang menerbitkan pelbagai jenis kamus seperti **KD** dan Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa yang menghasilkan **KBBI** dan berpuluhan-puluhan kamus lain. Sebagai institusi yang bertanggungjawab membina dan mengembangkan bahasa, sewajarnya produk yang dihasilkan khususnya kamus dapat diandalkan kewibawaannya sebagai rujukan utama dari segi kosa kata, bahkan aspek kebahasaannya. Menurut Anton Moeliono (1994:94) kewujudan kamus yang berwibawa dijangka dapat membantu mempercepat perkembangan bahasa kerana pembakuan leksikon dapat diusaha melalui penyusunan kamus. Oleh sebab itu wajarlah kamus sebagai alat membakuan bahasa

dapat memberi maklumat yang tepat dan betul untuk dijadikan pegangan oleh pengguna kamus. Sehubungan dengan itu maklumat morfologi yang dimuatkan dalam kamus harus mantap dan jauh daripada sebarang kesalahan dan kerancuan. Seseorang penyusun kamus perlu jelas dan mengetahui bentuk-bentuk morfologi. Ilmu morfologi perlu dikuasai terutama tentang kata yang menjadi kata masukan dalam kamus. Sesuai dengan konsep morfologi yang mencakup semua butir maklumat tentang bentuk kata dan fungsinya, maka segala bentuk tersebut perlu difahami dalam proses penyusunan kamus. Salah satu bentuk yang terbit daripada proses pembentukan kata tersebut ialah kata ganda yang menjadi komponen penting mencorakkan organisasi entri sesebuah kamus.

2.1 Maklumat Morfologi dalam Kamus

Ruang lingkup disiplin perkamusian memang luas sesuai dengan domain leksikografi itu sendiri. Seperti kata Gleason (dalam Zgusta 1971: 15), '*the theory of lexicography is connected with lexical system, semantic, lexicology, grammar, stylistic, morphology..the dictionary... the meeting place of all systems linguistic and non linguistic which bear relevantly on speech behavior.*' Salah satu input dalam disiplin leksikografi ialah morfologi yang merupakan cabang tatabahasa yang mengkaji struktur, bentuk, dan golongan kata (*Kamus Linguistik* 1977:162). Bentuk kata yang mendasari kamus ialah leksem. Mengikut Lipka (1992: 73) leksem ialah: i. *a complete sign on particular linguistic level namely lexicon; ii. a class of variants, namely word-form; iii. an abstract unit of the language system.* *Kamus Linguistik* (1997:66) mentakrifkan leksem sebagai unit asas yang bermakna bagi kosa kata sesuatu bahasa berbanding dengan unit tatabahasa iaitu morfem dan unit semantik iaitu semen. Dengan kata lain leksem ialah bentuk abstrak yang menjadi asas kepada bentuk-bentuk kata yang lain (Abdullah Hassan 1984:2) atau berperanan sebagai bahan baku dalam proses morfologi (Harimurti 1989:10). Morfologi dilihat sebagai subsistem yang berupa proses mengolah leksem

menjadi kata. Yang berperanan sebagai input dalam proses itu ialah leksem sebagai unit leksikal sedangkan kata sebagai unit tatabahasa berperanan sebagai output.

2.1.1 Jenis-Jenis Morfem

Unsur binaan morfologi dalam kamus dicirikan oleh beberapa jenis morfem. Dua orang sarjana bahasa telah memberiuraian yang menarik tentang beberapa jenis morfem yang sekali gus mempengaruhi kategori maklumat morfologi dalam kamus.

i. Harimurti Kridalaksna (1989:10)

Bentuk	Keterikatan	Perluasan	Kelas	Makna	Contoh
afiks	pd dasar	tidak	tiada	gramatikal	<i>ber-,-an</i>
proleksem	pd dasar	tidak	ada	leksikal	<i>aneka-, panca-</i>
morfem dasar terikat	i.pd afiks ii.pd morfem dasar lain	boleh	belum ada	leksikal	<i>juang, temu</i>
klitik	i.pd kata ii.berpadanan dengan kata serupa	tidak	ada	leksikal	<i>kau, mu, nya</i>
partikel	terikat, bebas	tidak	ada	gramatikal, leksikal	<i>pada, kerana agak</i>
kata	bebas	boleh	ada	leksikal	<i>rumah, pulau</i>

ii. Amdun Husain (1994:48)

Morfem	Makna	Kelas	Padanan Penuh	Bentuk	Perluasan Kata	Contoh
kata	leksikal	ada	tiada	utuh	boleh	<i>rumah, pergi</i>
partikel	leksikal	ada	tiada	utuh	tdk boleh	<i>pada, kerana</i>
prakategorial	leksikal	belum	tiada	utuh	tdk boleh	<i>tari, temu</i>
singkatan semu	leksikal	ada	ada	singkat	boleh	<i>mini-, mikro-</i>
klitik	leksikal	ada	ada	singkat	tdk boleh	<i>ku, mu, kau, kan</i>
proleksem	leksikal	ada	tiada	utuh	tdk boleh	<i>hidro-, anti-</i>
aleoleks	leksikal	ada	ada	singkat	tdk boleh	<i>Indo-, psiko-</i>
morfem unik	nahuau	tiada	tiada	utuh	tdk boleh	<i>-ruah, -lamai</i>
penggalan	leksikal	tiada	ada	singkat	tdk boleh	<i>meka-, -mudi</i>
imbuhan	nahuau	tiada	tiada	utuh	tdk boleh	<i>ber-, per-an, -i</i>

Carta 2.0 : Jenis-Jenis Morfem

Beberapa jenis morfem ini mempunyai cara persembahan yang berbeza dalam kamus mengikut keterikatannya sama ada pada dasar, pada morfem dasar lain, pada kata atau bebas tanpa keterikatan. Morfem yang mempunyai makna leksikal seperti kata, morfem dasar terikat, proleksem, klitik, partikel (Harimurti 1989:10) atau prakategori, singkatan semu, aleoleks, penggalan (Amdun Husain 1994:45) dan makna nahuau seperti imbuhan dan morfem unik mempunyai peranan yang penting yang mempengaruhi kandungan sesebuah kamus. Semua unsur dalam proses morfologi ini adalah saling melengkapi untuk membentuk kejituhan makna leksikal dan makna nahuau dalam kamus.

Morfem dasar terikat seperti *juang*, *temu*, *olah* oleh Harimurti atau prakategorial seperti *tari*, *temu* oleh Amdun Husain tergolong sebagai morfem dasar, tetapi mempunyai makna leksikal yang keterikatannya pada imbuhan atau pada morfem dasar lain untuk membentuk kata. Seterusnya terdapat morfem yang dinamakan morfem unik kerana sifatnya yang unik yang hanya berdamping dengan satu morfem dan tidak boleh bertukar pasangan seperti morfem *-duai* hanya dapat berdamping dengan *ipar*. Proleksem pula merupakan bentuk yang terbit pada dasar, mempunyai kelas dan makna leksikal, tetapi tidak boleh mengalami peluasan seperti *pra-*, *dwi-*, dan *-isme*. Di samping itu, terdapat morfem-morfem lain seperti unsur klitik seperti *kau*, *dan mu*, yang mempunyai kelas dan makna leksikal, singkatan semu seperti *mini-*, *dan makro-* yang mempunyai kelas dan makna leksikal, imbuhan seperti awalan *ber-*, akhiran *-an*, dan apitan *ke-an* yang hanya mempunyai makna nahanan dan tiada kelas, unsur partikel seperti *pada*, *dari*, dan *kerana* yang mempunyai makna leksikal dan nahanan, aroleks seperti *Indo-* dan *Sino-* yang mempunyai makna leksikal, serta unsur penggalan seperti *meka-* dan *-mudi* yang mempunyai makna leksikal.

Bagaimanapun untuk kajian ini, tumpuan diberikan hanya kepada morfem kata. Kata sebagai unit terkecil dalam sintaksis dan unit terbesar dalam morfologi, ditandai oleh morfem sebagai unit-unit tatabahasa yang menjadi unsur pembentukan sesuatu kata. Kata yang menjadi lema atau sublema dalam kamus mempunyai ciri bebas, bermakna leksikal, mempunyai kelas, bentuk yang utuh, dan berpotensi diperluas status katanya. Berdasarkan *Tatabahasa Dewan* (1996:61) bentuk-bentuk yang terhasil daripada proses pembentukan kata terdiri daripada bentuk kata tunggal, bentuk kata terbitan, bentuk kata majmuk, dan bentuk kata ganda.

Kata tunggal ialah kata yang tidak menerima sebarang imbuhan atau tidak berkait dengan sebarang morfem yang lain. Kata tunggal terdiri daripada satu suku kata (mis *hak*, *has*),

dua suku kata (mis *aku, uda*), tiga suku kata (mis *niaga, haluan*) dan empat suku kata atau lebih (mis *keluarga, sederhana*). Kata tunggal yang merupakan morfem bebas ini menjadi kata dasar atau kata masukan utama dalam kamus.

Kata terbitan pula merupakan bentuk perkataan yang terhasil melalui pengimbuhan. Proses yang menggandingkan imbuhan pada kata dasar meliputi awalan yang hadir sebelum kata dasar, akhiran sesudah kata dasar, apitan yang hadir secara mengapit kata dasar, dan sisipan yang hadir di celah kata dasar. Keempat-empat bentuk imbuhan yang mengimbuhi kata dasar ini mempunyai kedudukan penting dalam kamus. Morfem imbuhan bukan sahaja berfungsi membentuk kata, bahkan juga mengolah kelas kata. Di sini timbulah konsep turunan kata, urutan kata, atau derivasi dalam kamus.

Kata majmuk dihasilkan melalui proses merangkaikan dua kata dasar atau lebih yang membawa maksud tertentu serta dibezakan daripada frasa kerana ketaksisipan oleh sebarang unsur antara unit-unitnya. Harimurti (1989: 104-105) berpendapat bahawa paduan kata majmuk dibezakan daripada frasa atas ciri ketaktersisipan, ketakterluasan, dan ketakterbalikan. Terdapat tiga bentuk kata majmuk iaitu yang terdiri daripada rangkaian kata bebas seperti *ambil alih, warga kota*, berbentuk istilah seperti *batu bara*, dan yang mendukung makna kiasan seperti *kambing hitam*. Dalam kamus kedudukan kata majmuk ada yang diletakkan sebagai kata masukan utama kerana dieja sebagai satu perkataan atau kerana menjana kata terbitan. Atau ada yang diletakkan sebagai rangkai kata yang kedudukannya di bawah kata dasar serta disebabkan tidak menjana kata terbitan.

Kata ganda pula merupakan proses menggandakan kata dasar atau terbentuk kerana morfem dasarnya diulang sehingga berlaku perubahan makna nahuan kepada morfem dasar tersebut. Penggandaan morfem inilah yang menjadi mauduk perbincangan dalam

disertasi ini yang secara terperinci diuraikan dalam bab ketiga dan bab keempat. Seperti juga kata majmuk, cara pengolahannya dalam kamus mempunyai banyak persamaan dan persoalan ini akan dibincangkan dalam bab-bab seterusnya.

2.1.2 Bentuk Turunan Kata dalam Kamus

Kamus ekabahasa memerlukan untaian morfologi melalui sistem turunan kata atau urutan kata bagi memperjelaskan setiap leksem atau kata yang mendasari entri kamus. Pola turunan kata atau urutan kata tersebut menggarisbawahi kata dasar, gabungan kata daripada bentuk dasar, dan bentuk ganda daripada kata dasar sebagai kata akar dalam kamus. Pola turunan kata tersebut berkembang mengikut status kata tersebut sama ada mengikut pola turunan kata dasar, atau kata majmuk dan kata ganda yang menjana kata terbitan. Dalam hal ini penyusun kamus mestilah berpegang kepada pengertian bahawa ada bentuk dasar yang menimbulkan bentuk-bentuk lain. Bagaimanapun untuk kajian ini, tumpuan lebih mengacu kepada bentuk gandaan daripada bentuk dasar serta beberapa aspek bentuk dasar untuk memudahkan susur galur turunan kata dilakukan. Ini dapat dilihat dalam carta 2.1.

kata dasar

bentuk gandaan daripada bentuk dasar

Pemerian imbuhan:

Bentuk	Contoh:
~	(pagi)
~~~	(pagi-pagi)

*beR-* (membentuk kata kerja intransitif dan kata kerja pasif)

<i>~beR~</i>	(adik-beradik)
<i>beR~ber~</i>	(beradik-berkakak)
<i>beR~~</i>	(berguni-guni)
<i>beR~~an</i>	(berkasih-kasihan)

*meN-* (membentuk kata kerja intransitif dan kata kerja transitif)

<i>~~meN~</i>	(bantu-membantu)
<i>meN~~</i>	(melambai-lambai)

<i>meN-i</i>	
<i>~~meN~i</i>	(kunjung-mengunjungi)
<i>meN~~i</i>	(mengata-ngatai)

<i>meN-kan</i>	
<i>meN~~kan</i>	(membetul-betulkan)

<i>mempeR-</i>	
<i>mempeR~~</i>	(mempertubi-tubi)
<i>mempeR~~kan</i>	(memperadu-adukan)

*teR-* (membentuk kata kerja aktif dan kata kerja pasif)

<i>teR~~</i>	(tercari-cari)
<i>teR~~i</i>	(terkata-katai)
<i>teR~~kan</i>	(tergila-gilakan)

<i>-an</i>	(hasil)
<i>~~an</i>	(daun-daunan)

<i>ke-</i>	
<i>ke~~</i>	(kedua-dua)

*ke-an* (hal/keadaan)

*ke~~an* (keanak-anakan)

*peR--* (alat/pelaku)

*peN-*

*pemeR-*

*peR-an*(proses/perihal/perbuatan)

*peN-an*

*pemeR-an*

*se-*

*se~~~* *(seakan-akan)*

*se~~~nya* *(sebaik-baiknya)*

*se~~~an* *(semalam-malam)*

---

#### Carta 2.1: Turunan Kata Daripada Bentuk Gandaan

Carta 2.1 menghuraikan kedudukan bentuk gandaan daripada pola dasar yang mengalami pengimbuhan dalam sistem turunan kata. Fenomena ini dengan sendirinya menjelaskan kedudukan kata ganda berimbuhan di dalam kamus sama ada berunsur awalan, apitan dan akhiran. Kepentingan carta tersebut dalam kajian ini adalah untuk melihat susur galur turunan kata yang berbentuk gandaan di dalam kamus, seperti halnya yang berlaku pada bentuk dasar dan gabungan kata.

BM dan BI merupakan bahasa derivatif sehingga kebanyakan katanya diturunkan melalui proses pengimbuhan. Berdasarkan pemerian imbuhan pada kata dasar jelas mempunyai bentuk dan fungsi yang tersendiri sewaktu membentuk pola turunan kata. Sebelum ini wujud kekaburan sehingga pemerian bentuk turunan yang berfungsi sebagai proses (seperti *peR-an*, *peN-an*) bercampur aduk dengan hasil (-*an*), atau pemerian kata kerja yang berfungsi sebagai intransitif (*beR-*, *meN-*) bercampur aduk huraiannya dengan kata kerja transitif (*meN-*). Kerancuan untuk memahami pola sedemikian banyak terdapat dalam kamus-kamus ekabahasa yang diterbitkan sebelum dekad 1990-an, termasuklah kamus ekabahasa terbitan DBP. Bagaimanapun dengan pemantapan pedoman tatabahasa BM pada dekad mutakhir ini, persoalan kerancuan tersebut semakin dapat diatasi dan

memberi ilham kepada penyusun kamus mengemaskinikan unsur-unsur morfologi ini dalam kamus-kamus yang disusun.

Namun variasi terbitan dalam BM dan BI tidak sebanyak bahasa Yunani Kuno yang mempunyai 200 variasi bentuk terbitan dan bahasa Sanskrit sebanyak 1350. Masalah dalam BM dan BI bukan bilangan variasi dalam paradigma, tetapi bilangan tugas dan makna yang banyak bagi satu-satu bentuk (Abdullah Hasan 1984:11). Perkara ini juga pernah disentuh oleh Zgusta (1971:121), *'first there should be no ambiguity about the words whole paradigm...either the regular paradigm of the language in question are known or the lexicographer must established them himself.'* Dalam BM persoalan yang kedua itu yang dianggap penting (Abdullah Hasan 1984:10). Untuk menelusuri urutan kata tersebut, beberapa model telah digunakan untuk membentuk turunan kata, seperti model paradigma, model penantaaan, dan model proses. Model proses dianggap paling dominan yang mempengaruhi sebahagian bentuk turunan yang wujud dalam BM dan BI.

## **2.2 Penulisan Kata Ganda Dalam Karya Linguistik Melayu/Indonesia**

Penulisan kata ganda dalam karya linguistik Melayu dan Indonesia telah bermula sejak kajian morfologi BM dan BI dilakukan oleh sarjana Barat. Tokoh-tokoh sarjana Barat seperti Holander, Van Wijk, dan Ophuijsen telah merintis jalan ke arah bermulanya tradisi kajian morfologi BM dan BI yang kemudiannya diikuti oleh sarjana bahasa tempatan yang memberi perspektif baru mengikut acuan linguistik BM dan BI. Penulisan kata ganda dalam karya linguistik Melayu/Indonesia mencakup empat aspek penting, iaitu, a. konsep kata ganda, b. ciri-ciri kata ganda, c. bentuk kata ganda, dan d. makna kata ganda.

### **2.2.1 Konsep Kata Ganda**

Beberapa orang sarjana bahasa telah memberi pengertian dan konsep yang sebenar tentang kata ganda. Zaaba merupakan tokoh bahasa terawal yang memberi huraian tentang kata ganda. Dalam bukunya *Pelita Bahasa Melayu Penggal I* (1961: 230-235), diterangkan bahawa penggandaan ialah sesuatu perkataan diulang sebutannya dua kali, atau ditambahkan kepadanya suatu sebutan lain yang seakan-akan sama bunyinya. M. Ramlan dalam bukunya *Morfologi: Suatu Tinjauan Deskriptif* (1978:38-46) berpendapat bahawa proses pengulangan atau reduplikasi ialah pengulangan bentuk, baik seluruhnya maupun sebahagian, baik dengan variasi fonem maupun tidak. M.D. Simatupang dalam bukunya *Reduplikasi Morfemis Bahasa Indonesia* (1983:17 berpendapat bahawa reduplikasi ialah proses morfemis yang mengubah bentuk kata yang dikenainya. Asmah Haji Omar dalam bukunya *Nahu Melayu Mutakhir, edisi baru* (1986:225-248), berpendapat bahawa kata ganda ialah proses mengulangi sesuatu perkataan, seluruhnya atau pada bahagian-bahagian tertentu. Nik Safiah dan rakan-rakan dalam bukunya *Tatabahasa Dewan* (1996:77-79) menyifatkan penggandaan sebagai proses yang menggandakan kata dasar. Berdasarkan pandangan-pandangan ini dapat disimpulkan bahawa kata ganda ialah bentuk kata yang dihasilkan dengan menggandakan atau mengulangi kata dasar secara keseluruhan atau sebahagian.

### **2.2.2 Ciri-Ciri Kata ganda**

Apakah ciri-ciri untuk menentukan sesuatu kata tersebut bertaraf kata ganda yang membezakannya dengan kata-kata lain seperti gabungan kata atau kata majmuk? Zaaba (1961: 230) berpendapat bahawa kata ganda diulang dua kali perkataan asalnya dan tandanya dalam tulisan dipakai angka dua, atau ditulis dengan memakai tanpa sempang, seperti budak2 (*budak-budak*). Lain daripada itu dengan dipendekkan sebutannya yang

mula-mula dan dipendekkan pangkalnya, seperti *kekura*. Anton Moeliono (1993:388) mengatakan bahawa kata ganda atau bentuk ulang ditulis secara lengkap dengan menggunakan tanda hubung (-). Dalam sistem ejaan rumi bahasa Melayu, kata ganda ditulis sepenuhnya dengan menggunakan tanda sempang (-) yang dibubuh di bahagian kata yang diulang (Ismail Dahaman 1996:36). Jelaslah bahawa ciri utama yang menentukan sesuatu kata bertaraf kata ganda adalah apabila menggunakan tanda hubung (-) untuk mengapit bahagian kata yang diulang.

### **2.2.3 Bentuk Kata Ganda**

Terdapat pelbagai pandangan dan tanggapan tentang bentuk kata ganda yang wujud dalam BM dan BI. M. Ramlan (1978: 38) berpendapat bahawa ada empat bentuk kata ganda.

- i. Pengulangan seluruh iaitu pengulangan seluruh bentuk dasar, tanpa perubahan fonem dan tidak berkombinasi dengan proses pembubuhan afiks (*buku -->buku-buku, kebaikan -->kebaikan-kebaikan*)
- ii. Pengulangan sebahagian daripda bentuk dasar. Hampir semua bentuk dasar pengulangan golongan ini berupa kata kompleks.
  - bentuk *meN-(mengambil-->mengambil-ambil, membaca-->membaca-baca)*;
  - bentuk *di-(ditarik-->ditarik-tarik, ditanam-->ditanam-tanami)*;
  - bentuk *ber-/berjalan-->berjalan-jalan, bermain-->bermain-main)*;
  - bentuk *ter-(terbentuk-->terbentuk-bentuk, terbalik-->terbalik-balik)*;
  - bentuk *ber-an(berlarian-->berlari-larian, berjauhan-->berjauh-jauhan)*;
  - bentuk *-an(minuman-->minum-minuman, makanan-->makan-makanan)*;
  - bentuk *ke-(kedua-->kedua-dua, ketiga-->ketiga-tiga)*

iii. Pengulangan yang berkomunikasi dengan proses pembubuhan afiks, seperti *anak-->anak-anakan*, *rumah-->rumah-rumahan*, *dalam-->sedalam-dalamnya*.

iv. Pengulangan dengan perubahan fonem

- perubahan fonem vokal (*robek-->robak-robek*, *serba-->serba-serbi*)
- perubahan fonem konsonan (*lauk-->lauk-pauk*, *ramah-->ramah-tamah*)
- bentuk *ber-*(*berjalan-->berjaan-jalan*, *bermain-->bermain-main*);
- bentuk *ter-*(*terbentuk-->terbentuk-bentuk*, *terbalik-->terbalik-balik*);
- bentuk *ber-an*(*berlarian-->berlari-larian*, *berjauhan-->berjauh-jauhan*);
- bentuk *-an/minuman-->minum-minuman*, *makanan-->makan-makanan*);
- bentuk *ke-*(*kedua-->kedua-dua*, *ketiga-->ketiga-tiga*)

Arbak (1981: 30) pula membahagikan kata ganda kepada dua jenis.

### i. Kata ganda tulen

Kata ganda tulen adalah perkataan yang dasarnya diulang sama ada seluruh atau sebahagian.

#### a. Pengulangan seluruh

#### Contoh

*sekolah-sekolah*, *budak-budak*,  
*kuning-kuning*,

#### b. Pengulangan sebahagian

##### Suku kata awal

*laki-->lelaki*, *sungut-->sesungut*  
*cair-->cecair*, *sendi-->sesendi*,  
*daun-->dedaun*

##### Suku kata akhir

*perlahan-->perlahan-lahan*  
*pertama-->pertama-tama*  
*segala-->segala-gala*

## **ii. Kata ganda berentak**

### **a. Kata ganda berentak suku**

-Kata ganda berentak suku kata awal

*beli-belah, bengkang-bengkok  
lalu-lalang, batu-batan, sedu-sedan*

-Kata ganda berentak suku kata akhir

*cerai-berai, kacau-bilau,  
pecah-belah, lintang-pukang,*

### **b. Kata ganda berentak bunyi**

*dolak-dalik, gunung-ganang,  
huru-hara, kuyup-kayap*

Seterus terdapat pandangan lain yang dikemukakan oleh M. D. Simatupang (1983: 17) yang membahagikan reduplikasi kepada tiga bentuk.

## **i. Reduplikasi morfemis**

### **a. Reduplikasi penuh**

-reduplikasi tanpa afiks (*anak-anak, rumah-rumah*)

-reduplikasi dengan afiks

-reduplikasi dengan prefiks (*memukul-mukul, pukul-memukul*)

-reduplikasi dengan simulfiks (*keanak-anakan, melambai-lambaikan*)

-reduplikasi dengan sufiks (*besar-besaran*)

-reduplikasi dengan infiks (*gilang-gemilang*)

### **b. Reduplikasi penuh dengan perubahan fonem**

-reduplikasi tanpa afiks (*sayur-mayur, bolak-balik*)

-reduplikasi dengan afiks (*beramah-tamah*)

-reduplikasi dengan simulfiks (*keramah-tamahan*)

## ii. Reduplikasi parsial

-reduplikasi dengan afiks (*dedaunan*)

## iii. Reduplikasi semantis

-reduplikasi tanpa afiks (*sopan-santun*)

-reduplikasi dengan afiks (*menghancur-leburkan*)

Asmah Omar (1986: 225-248) telah membuat suatu rincian yang menarik tentang bentuk kata ganda seperti berikut. Beliau membahagikan kepada sembilan bentuk kata ganda dengan rincian berdasarkan kelas kata bahasa Melayu.

Bentuk Penggandaan	K.Nama	K.Kerja	K.Sifat.	Adverba
<i>Seluruh kata</i> melibatkan k.selapis k. berlapis	rumah-rumah orang-orang fikiran-fikiran	putus-putus buat-buat makan-makan	baik-baik tinggi-tinggi sukar-sukar	dulu-dulu hampir-hampir nyaris-nyaris
<i>Kata Dasar</i> Pada k.akar tidak melibatkan k. nama		berbual-bual membaca-baca	sepandai-pandai settinggi-tinggi	
<i>Suku Kata Pertama</i> Pada k.akar dengan au tanpa perubahan nilai bunyi vokal yang terdapat pada suku kata pengulang	tetamu,dedaunan lelipan,lelangit kekura, lelaki			
<i>Berima</i> berlaku pada mana-mana unsur k. akar, sama ada suku kata konsonan & vokal	gunung-ganang serba-serbi sedu-sedan leukuk-lekak	mandi-manda bolak-balik	kacau-bilau gopoh-gapah karut-marut	serta-merta

<i>Menyaling</i> dibatasi kepada k.akar yang memasuki golongan k.kerja	bantu-membantu pukul-memukul tawar-menawar
<i>Suku kata akhir</i> hanya suku kata kedua dan ketiga pada kata yang terdiri drpd tiga suku kata	pertama-tama segala-gala
<i>Bentuk ke-an</i> Unsur kedua terdiri drpd k.akar yang mendapat morfem terikat	lama-kelamaan
<i>sisipan -em</i>	jari-jemari, tali-temali
<i>ber-</i>	adik-beradik, anak-beranak

Seterusnya Abdullah Hassan dalam bukunya *Penerbitan Kata dalam Bahasa Malaysia* (1986:167-179) berpendapat bahawa penggandaan boleh berlaku kepada sebarang golongan kata dan tidak banyak perbezaan di antara setiap satunya. Baginya terdapat pelbagai jenis penggandaan seperti *gunung-ganang*, *tali-temali*, *tari-menari* dan *pukul-memukul*. Di samping itu terdapat juga penggandaan sebahagian seperti *susup-sasap*. Bagi Abdullah terdapat empat jenis kata ganda berdasarkan kelas kata kata nama dan kata kerja. Manakala tiga jenis untuk kata keterangan dan kata sifat serta dua jenis untuk kata tugas.

## i. Penggandaan Kata Nama

Jenis Penggandaan	Bentuk	Fungsi	Makna
Penggandaan penuh	dasar diulang sepenuhnya tanpa perubahan	membentuk k. nama	jamak (akar-akar) keserupaan (kuda-kuda) nama haiwan (anai-anai)
Penggandaan menyaling	menerima sisipan -em	menghasilkan k.nama terbitan	banyak jenis (tali-temali, gunung-gemunung)
Penggandaan konsonan	konsonan diulang, tetapi vokal berubah	kekal dalam k.nama	banyak jenis, gambaran bermacam-macam (cucu-cicit, gunung-ganang)
Penggandaan suku kata	a. suku kata awal b. suku kata akhir	k. nama	4 suku kata awal (bukit bukau); 6 suku kata akhir (hutang-piutang)

## ii. Penggandaan Kata Kerja

Penggandaan penuh	dasarnya diulang dua kali	kekal k.kerja	berulang-ulang, berpanjangan, keserupaan
Penggandaan menyaling	gandaan penuh, tetapi ada imbuhan di tengah dan diikuti akhiran	terbit &kekalkan k. kerja	saling berbalasan (kasih-mengasihi, sahut-menyahut)
Penggandaan suku kata	hanya 1 suku kata, awal dan akhir	terbit & kekalkan k. kerja	berulang-ulang atau melampau (kacau-bilau lalu-lalang)
Penggandaan (rentak) perubahan bunyi vokal	bunyi konsonan diulang dan bunyi vokal berubah seolah-olah berentak	terbit & kekalkan	dilakukan dengan kuat (bolak-balik, lekak-lekuk, luruh-laruh, susup-sasap)

### **iii. Penggandaan Kata Keterangan**

---

<i>Penggandaan penuh, penggandaan suku kata gandaan rentak &amp; ganda tiga</i>	terbit k. keterangan seperti waktu, ragam, tempat	bagaimana berlaku sesuatu k. keterangan (pagi-pagi, lekas-lekas, mula-mula, lambat-lambat)
---------------------------------------------------------------------------------	---------------------------------------------------	--------------------------------------------------------------------------------------------

### **iv. Penggandaan Kata Sifat**

---

<i>Berlaku sepenuhnya atau sebahagianya dan ada ganda tiga</i>	terbit k. sifat	a. suatu kualiti (cantik-cantik, gagah-gagah) b. had & ukuran bandingan (lebar-lebar, dalam-dalam)
----------------------------------------------------------------	-----------------	-------------------------------------------------------------------------------------------------------

### **v. Penggandaan Kata Tugas**

---

<i>Sama dengan kata lain, sama ada penuh atau sebahagian</i>	terbit k. tugas	memberi peringkat sesuatu keadaan (jangan-jangan, kalau-kalau, mana-mana, amboi-amboi)
--------------------------------------------------------------	-----------------	----------------------------------------------------------------------------------------

Harimurti dalam bukunya *Pembentukan Kata dalam Bahasa Indonesia* (1989:88-103) membahagikan reduplikasi atau penggandaan seperti berikut.

#### **i. Reduplikasi fonologis**

Dalam reduplikasi ini tidak terjadi perubahan makna kerana pengulangannya hanya bersifat fonologis.

## **ii. Reduplikasi morfemis**

Reduplikasi ini terjadi perubahan makna gramatikal atau leksem yang diulang sehingga terjadilah satuan yang berstatus kata.

## **iii. Reduplikasi sintaktis**

Reduplikasi ini merupakan proses yang terjadi atas leksem yang menghasilkan satuan yang berstatus klausula.

Bentuk reduplikasi diperincikan lagi menjadi empat bentuk seperti berikut.

<b>Bentuk</b>	<b>Contoh</b>
<i>Dwipurwa (pengulangan suku pertama pada leksem dengan pelemahan vokal)</i>	<i>lelaki, tetangga, sesama</i>
<i>Dwilingga (pengulangan leksem)</i>	<i>makan-makan, pagi-pagi</i>
<i>Dwilingga salin swara (pengulangan leksem dengan variasi fonem)</i>	<i>mondar-mandir, pontang-panting corat-coret, bolak-balik</i>
<i>Dwiwasana</i> (pengulangan bahagian belakang dari leksem)	<i>pertama-tama, perlahan-lahan sekali-kali</i>

Liaw Yock Fang dan Abdullah Hassan dalam buku mereka *Nahu Melayu Modern* (1994:166-167) membahagikan kata ganda kepada enam golongan.

i.Kata ganda sempurna - *kanak-kanak, murid-murid, rumah-rumah*

- ii. Kata ganda tingkah
- Perubahan vokal (vokal berubah, konsonan tidak) - *bolak-balik, huru-hara, kumat-kamit, mandi-manda*
  - Perubahan konsonan (konsonan berubah, vokal tidak) - *hingar-bingar, kuih-muih, lauk-pauk, sayur-mayur*
  - Persesuaian bunyi - *hiruk-pikuk, lintang-pukang, porak-peranda*
- iii. Kata ganda sekerat - *jejenang, kekuda, lelabi, lelaki, lelangit*
- iv. Kata ganda sisipan - *jari-jemari, tali-temali, turun-temurun*
- v. Kata ganda semu - *agar-agar, kunang-kunang, kura-kura*
- vi. Kata ganda berimbuhan
- awalan *-an* - *buah-buahan, mati-matian, tumbuh-tumbuhan .*
  - awalan *ber-* - *berbual-bual, berjalan-jalan, berkata-kata*
  - awalan *me-* - *melambai-lambai, melihat-lihat, menari-nari*
  - awalan *ter-* - *teragak-agak, terjerit-jerit, terketar-ketar*
  - awalan *se-* - *sejahat-jahat, sekonyong-konyong, seolah-olah*
  - apitan *ber-an* - *beriring-iringan, berlari-larian, bersahut-sahutan*
  - apitan *ke-an* - *keanak-anakan, kebiru-biruan, kegila-gilaan*
  - apitan *se-nya* - *sebaik-baiknya, seboleh-bolehnya, setidak-tidaknya*

Dalam *Tatabahasa Dewan* (1996:77), para penulis buku ini membahagikan kata ganda kepada tiga bentuk:

- i. Penggandaan penuh
- *pulau-pulau, buku-buku, suku-suku cantik-cantik, tinggi-tinggi, tiba-tiba*

- ii. Penggandaan separa
- *jejari, lelaki, rerambut, sesiku lelangit*

Penggandaan separa pada kata dasar yang berimbuhan:

- a. di bahagian belakang kata dasar - *berlari-lari, mencari-cari berturut-turut, sepandai-pandai*
- b. di bahagian hadapan kata dasar - *antu-membantu, cintai-mencintai, kejar-mengejar, tolong-menolong*

iii. Penggandaan berentak

- a. penggandaan berentak pengulangan vokal - *cerai-berai, kuih-muih, sayur-mayur selok-belok, tungkus-lumus*
- b. penggandaan berentak pengulangan konsonan - *bukit-bukau, kayu-kayan, bolak-balik, simpang-siur*
- c. penggandaan berentak bebas - *anak-pinak, saudara-mara, lintang-pukang, titik-bengik*

Berdasarkan beberapa pandangan yang dikemukakan oleh sarjana bahasa Melayu/Indonesia, dapat dibuat rumusan bahawa ada lima bentuk kata ganda yang terdapat dalam BM dan BI. Lima bentuk kata ganda kata tersebut adalah seperti berikut.

i. *Kata ganda penuh* - Ini seperti *buku-buku, hampir-hampir, dan jangan-jangan*. M. Ramlan (1978: 38) dan Arbak Othman (1981:30) menyebutnya sebagai pengulangan seluruh bentuk dasar. M. D. Simatupang (1983:17) mengklasifikasikannya sebagai reduplikasi penuh, Asmah Omar (1986:225-248) sebagai penggandaan seluruh kata, Abdulah Hassan (1986: 167) dan Nik Safiah (1996: 77) sebagai penggandaan penuh,

Harimurti Kridalaksana (1989: 88) sebagai dwilingga, serta Liaw Yock Fang (1994: 166) menyebutnya sebagai kata ganda sempurna.

ii. *Kata ganda semu* - Ini seperti *agar-agar*, *anai-anai*, *biri-biri*, dan *laki-laki*. Tokoh-tokoh bahasa seperti Asraf (1995:202), Ismail Dahaman (1996:36) dan Liaw Yock Fang (1994:167) menyebutnya sebagai kata ganda semu.

iii. *Kata ganda separa* - Ini seperti *bebola*, *dedaun*, *jejari*, *lelabah*, *sesawi*. Tokoh-tokoh bahasa seperti Arbak Othman (1981:30) menyebutnya sebagai suku kata awal, M. D. Simatupang (1983: 17) sebagai reduplikasi parsial, Asmah Omar (1986:225-248) sebagai suku kata pertama, Liaw Yock Fang (1994:167) sebagai kata ganda sekerat, dan Nik Safiah (1996: 77) menyebutnya sebagai kata ganda separa.

iv. Kata ganda berentak - Ini seperti *cola-cala*, *kaya-rayo*, *kusut-masai*, *sayur-mayur*. M. Ramlan (1978:38) menyebutnya sebagai pengulangan dengan perubahan fonem vokal dan perubahan fonem konsonan, Arbak Othman (1981:30) sebagai kata ganda berentak ( berentak suku dan berentak bunyi), M. D. Simatupang (1983:17) sebagai reduplikasi morfemis iaitu reduplikasi penuh dengan perubahan fonem, Asmah Omar (1986: 225-248) sebagai kata ganda berima, Abdullah Hassan (1986: 168) sebagai penggandaan konsonan, Harimurti Kridalaksana (1989: 88) sebagai dwilingga salin swara, Liaw Yock Fang (1994: 167) sebagai kata ganda tingkah, dan Nik Safiah menyebutnya sebagai kata ganda berirama atau kata ganda berentak.

v. Kata ganda berimbuhan -awalan (*berjalan-jalan*, *melambai-lambai*, *tercari-cari*, *seakan-akan*)

- akhiran (*buah-buahan, kenang-kenangan*)
- apitan (*berdua-duaan, mengalu-alukan, memperamatamatkan, kemanja-manjaan, sehari-harian*)
- sisipan (*awan-gemawan, tali-temali, turun-temurun*)
- kata ganda separa berimbuhan (*dedaunan, pepohonan, wewangian*)

Kebanyakan ahli bahasa bersepakat tentang unsur-unsur imbuhan yang perlu ada dalam kata ganda berimbuhan. Bagaimanapun terdapat beberapa pola dalam kata ganda berimbuhan dilihat dari perspektif yang berbeza oleh ahli-ahli bahasa. Misalnya ada kata ganda berimbuhan yang mempunyai suku kata akhir (seperti *pertama-tama, perlahan-lahan, dan sekali-kali*) seperti pandangan Arbak Othman (1981:31) dan Asmah Omar (1996:225-248). Harimurti Kridalaksana ( 1989:88) menyebut suku kata akhir ini sebagai dwiwasana. Di samping itu terdapat beberapa pandangan lain yang mengatakan jika unsur imbuhan wujud pada kompenan pertama, ini disebut kata ganda progresif. Jika unsur imbuhan wujud pada komponen kedua kata, ini disebut kata ganda regresif. (Harimurti Kridalaksana 1989: 103). Kata ganda regresif (seperti *bantu-membantu, cinta-mencintai, karang-mengarang, tawar-menawar*) juga disebut oleh Asmah Omar (1986: 225-248) dan Abdullah Hassan (1986:167) sebagai penggandaan menyaling.

Di samping itu terdapat juga pola kata ganda separa berimbuhan. M.D. Simatupang (1983: 17) menyebutnya sebagai reduplikasi parsial yang mempunyai afiks. Kesemua bentuk kata ganda ini akan dijelaskan secara tuntas pada pada bab empat kajian ini.

#### **2.2.4 Makna Kata Ganda**

Terdapat kecenderungan para sarjana bahasa melihat kata ganda dari sudut tertentu sama ada dari sudut kelas kata dan maknanya, atau makna semata-mata. Ini termasuklah Zaaba yang mengklasifikasikan makna penggandaan mengikut kelas kata, terutama nama, perbuatan, dan sifat.

##### **a. Penggandaan pada nama**

Makna	Contoh
menunjukkan benda itu banyak	<i>rumah-rumah, orang-orang</i>
menunjukkan benda itu daripada bermacam-maca jenis	<i>buah-buah, hidup-hidupan, bunga-bungaan</i>
penggandaan pada nama binatang yang berkawan ramai, terbang dengan bercabang geraknya, atau benda yang berselang seli	<i>anai-anai, kupu-kupu, lumba-lumba, kisi-kisi</i>
penggandaan pada nama benda yang seakan-akan rupanya atau kerjanya, atau halnya dengan benda lain yang disebut dengan nama itu juga tetapi tiada pengandaan	<i>kuda-kuda, tupai-tupai, api-api parang-parang, jadi-jadian</i>

##### **b. Penggandaan pada perbuatan**

berulang-ulang, berpanjangan, bersanggatan, serta tercampur makna tiada tentu	<i>duduk-duduk, pukul-pukul, melihat-lihat, terpandang-pandang</i>
berbalas-balas atau beramai-ramai membuat kerja	<i>berbalas-balas, berlawan-lawan berganti-ganti, berdahulu-dahuluan</i>

banyak kerja serta berulang-ulang dan terkadang berbalas-balas

*tulis-menulis, karang-mengarang,  
timbang-menimbang*

### c. Penggandaan pada sifat

menunjukkan benda yang disifatkan banyak atau berulang dan darjah sifatnya bermacam-macam

*tinggi-tinggi, sakit-sakit,  
sedikit-sedikit*

menguatkan makna sifat

*sangat-sangat, hampir-hampir  
jauh-jauh, lekas-lekas, elok-elok*

menjadikan sifat kata daripada sifat nama atau lain-lain jenis perkataan

*baik-baik, siang-siang,  
petang-petang*

Makna pengandaan yang diberikan oleh Harimurti (1989: 88-103) berasaskan kepada bentuk-bentuk kata ganda yang mengalami pengulangan mengikut kelas kata.

Bentuk	Contoh
intensif	<i>beragak-agak, agak-agak, cantik-cantik, baik-baik perlahan-lahan, pagi-pagi, hampir-hampir,</i>
deintensif	<i>tergila-gila, tidur-tiduran, bapak-bapak, ibu-ibu</i>
iteratif	<i>mencakar-cakar, lagi-lagi, sakit-sakitan</i>
resiprokal	<i>antar-mengantar, cubit-cubitan</i>
resiprokal intensif	<i>bercinta-cintaan, berpukul-pukulan</i>
ketidakpastian	<i>kira-kira, tahu-tahu, untung-untungan</i>
tidak sungguh-sungguh	<i>ogah-ogahan</i>
jamak	<i>pohon-pohon, rumah-rumah, ratus-ratusan</i>
bermacam-macam	<i>warna-warni, sayur-mayur, serba-serbi, dedaunan</i>

dramatisasi	<i>kami-kami, kita-kita</i>
negatif	<i>dia-dia</i>
frekuentatif	<i>dua-dua, tiga-tiga, sendiri-sendiri</i>
mengubah kelas	<i>baik-baik, hemat-hemat</i>
kehairanan	<i>apa-apaan</i>
beberapa	<i>berpuluhan-puluhan, beratus-ratus, beribu-ribu</i>
eksesif	<i>ribu-ribuan</i>
progresif	<i>mengingat-ingat, meronta-ronta</i>
regresif	<i>pukul-memukul, timbang-menimbang</i>

Sementara itu Nik Safiah dan rakan-rakan membuat rincian makna kata ganda berasaskan kelas kata bahasa Melayu. Namun tumpuan lebih kepada bentuk kelas kata yang bertaraf kata nama, kata kerja, dan adjektif.

Bentuk	Kata Nama	Kata Kerja	Kata Adjektif
<i>Kata Ganda Penuh</i>	i. jamak (meja-meja, jabatan-jabatan) ii. nama haiwan (biri-biri, rama-rama) iii. kesamaan/keserupaan (gula-gula, orang-orang, anak-anak) iv. penanda tidak tentu (apa-apa, bila-bila)	i. perbuatan berulang (tergelak-gelak, tersenyum-senyum) ii. perbuatan berpanjangan (berangan-angan, tergilila-gila) iii. perbuatan bersungguh-sungguh (bercerai-berai, bertungkus-lumus) iv. saling berbalasan (bersalam-salaman, berkasihi-kasihan)	keadaan yang menyeluruh (besar-besar kecil-kecil, rendah-rendah)

<i>Kata Ganda Separa</i>	i. nama haiwan (kekura, lelaki)	penekanan kepada kata dasar ( besar-besaran, gila-gilaan, kecil-kecilan)
	ii. kesamaan (kekuda, lelangit)	
<i>Kata ganda Berentak</i>	i. jamak (bukit-bukau, gunung-ganang)	penekanan kepada kata dasar (kacau-bilau, gilang-gemilang, porak-peranda, simpang-siur)
	ii. pelbagai jenis (kuih-muih, lauk-pauk sayur-mayur)	

Di samping itu, terdapat beberapa orang sarjana yang hanya melihat dari sudut makna semata-mata. Ini seperti yang digariskan oleh Ramlan (1978: 38-46) yang menyenaraikan 11 makna kata ganda.

Makna	Contoh
menyatakan banyak	<i>rumah-rumah, penyakit-penyakit</i>
menyatakan meskipun	<i>duri-duri diterjang, jambu-jambu mentah dimakan</i>
menyatakan sesuatu yang menyerupai apa yang disebut pada bentuk dasar	<i>kuda-kudaan, anak-anakan rumah-rumahan</i>
menyatakan bahwa tindakan yang tersebut pada bentuk dasar dilakukan berulang-ulang	<i>berteriak-teriak, memukul-mukul memetik-metik, menyobek-nyobek</i>
menyatakan bahwa tindakan itu dilakukan dengan seenaknya, hanya untuk bersenang-senang	<i>berjalan-jalan, minum-minum duduk-duduk, makan-makan</i>
menyatakan bahwa tindakan itu dilakukan oleh kedua-dua pihak dan saling mengenai	<i>pukul-memukul,dorong-mendorong kunjung-mengunjungi</i>
menyatakan hal-hal yang berhubungan dengan pekerjaan yang tersebut pada bentuk dasar	<i>cetak-mencetak, jilid-menjilid karang-mengarang,</i>

pengulangan kombinasi dengan <i>ber-an</i> menyatakan saling menyatakan sangat	<i>berbalas-balasan,</i> <i>berpandang-pandangan</i>
pengulangan berkombinasi dengan <i>ke-an</i> menyatakan agak	<i>cepat-cepat, kecil-kecil, indah-indah</i>
pengulangan berkombinasi dengan <i>se-nya</i> menyatakan tingkat yang paling tinggi atau superlatif	<i>kehijau-hijauan, kemerah-merahan,</i> <i>kehairan-hairanan, ketakut-takutan</i>
	<i>sepenuh-penuhnya, serajin-rajinnya,</i> <i>sekuat-kuatnya</i>

M. D Simatupang (1983:17) pula berpendapat terdapat sebelas makna kata ganda.

Makna	Contoh
keserupaan	<i>langit-langit, rumah-rumahan</i>
pengaburan, penghalusan	<i>baik-baik</i>
keanekaragaman	<i>pohon-pohonan, warna-warni</i>
tanpa tujuan, bersenang-senang	<i>jalan-jalan, makan-makan</i>
iteratif, kontinuiti	<i>memukul-mukul, berteriak-teriak</i>
resiprokatif, berbalasan	<i>pukul-memukul, hormat-menghormati</i>
intensif	<i>benar-benar</i>
distributif	<i>satu-satu, sebiji-sebiji, sedikit-sedikit</i>
optatif	<i>moga-moga, mudah-mudahan</i>
konesif	<i>kecil-kecil</i>
jamak	<i>pohon-pohon</i>
meremehkan	<i>kami-kami</i>

Asmah (1986: 227) memberi lapan makna kata ganda.

Makna	Contoh
kejamakan subjek bagi kata kerja atau kata sifat	<i>mandi-manda, besar-besar kaya-kaya</i>
makna sifar	tiada
makna kesangatan	<i>benar-benar, gilang-gemilang</i>
berlanjutan dan berulang-ulang perbuatannya	<i>muntah-muntah, bertambah-tambah</i>
makna kesalingan -ber- atau ber-an -akhiran -i	<i>berbalas-balas, berbunuh-bunuhan cintai-mencintai</i>
makna enumerasi berlaku pada semua subgolongan kata bilangan kecuali kata ordinal	<i>satu-satu, dua-dua, sebiji-biji sedikit-sedikit, hari-hari</i>
makna tidak tentu	<i>bila-bila, mana-mana, siapa-siapa setengah-setengah</i>
makna seakan-akan	<i>ikut-ikutan, turut-turutan</i>

Anton Moeliono (1993:167) menggarap beberapa makna yang didukung oleh kata ganda .

Makna	Contoh
keanekaan	<i>rumah-rumah, warna-warna, siapa-siapa warna-warni,coret-moret,teka-teki</i>
kekolektifan yang merupakan kumpulan yang sejenis	<i>dedaunan, pepohonan, jari-jemari tali-temali, umbi-umbian, sesajian</i>
kekolektifan yang merupakan kumpulan pelbagai jenis	<i>batu-batuhan, biji-bijian, kacang-kacangan, padi-padian, tumbuh-tumbuhan</i>
kemiripan rupa	<i>bapak-bapak, langit-langit, mata-mata bulan-bulanan, keabu-abuan</i>

kemiripan cara angin-anginan, lelaki, koboi-koboi, kekanak-kanakan, kegila-gilaan, tetangga,

Terdapat pelbagai jenis makna yang wujud dalam kata ganda. Ada yang disertakan bersama dengan kelas katanya dan ada yang memaparkan makna semantik yang dibawanya. Berdasarkan pendapat ahli-ahli bahasa tentang makna kata ganda, pada umumnya makna kata ganda adalah seperti berikut.

Makna	Contoh
iteratif/pasti	<i>baik-baik, sihat-sihat</i>
perbuatan bersantai	<i>baring-baring, duduk-duduk, bersiar-siar</i>
barangkali/mungkin	<i>entah-entah, jangan-jangan</i>
berulang kali/intensif	<i>asyik-asyik, lagi-lagi, berkali-kali,</i>
sering	<i>bolak-balik, lalu-lalang</i>
barang apa pun	<i>mana-mana</i>
yang pertama	<i>mula-mula</i>
kurang sedikit	<i>hampir-hampir, nyaris-nyaris</i>
pagi sekali, larut malam	<i>pagi-pagi, malam-malam</i>
had atau ukuran bandingan	<i>dalam-dalam, lebar-lebar</i>
menyerupai sesuatu pada kata dasar	<i>siku-siku, langit-langit, bebola, gegelang, orang-orangan</i>
fauna (makna tunggal)	<i>bebiri, labi-labi, anai-anai</i>
flora (makna unggal)	<i>bawang-bawang, kekabu, sesawi</i>
pelbagai jenis	<i>kuih-muih, lauk-pauk, sayur-mayur, buah-buahan, bunga-bungaan</i>
superlatif/sangat	<i>kering-kontang, hina-dina, kusut-masai</i>
hubungan darah	<i>ipar-duai, mentua-taya, suku-sakat</i>

turun naik	<i>jungkang-jungkit, kolang-kaling</i>
jamak	<i>gunung-ganang, berkotak-kotak, dedaun, pepohonan</i>
tidak tersusun	<i>centang-perenang, serbah-serbih</i>
memiliki sifat seperti	<i>keanak-anakan, keinggeris-inggerisan</i>

---

Persoalan fungsi dan makna kata ganda diberi huraian lengkap dalam bab ketiga dan bab keempat kajian ini.

Terdapat beberapa penulisan lain tentang morfologi bahasa Melayu yang dibuat oleh sarjana bahasa tempatan seperti Asraf, Hashim Musa, Farid M. Onn, dan Amdun Husain. Dalam penulisan tersebut, persoalan kata ganda jarang dikesampingkan sebagai topik perbincangan. Kata ganda seperti juga bentuk-bentuk kata yang lain mempunyai peranan penting dalam morfologi BM dan BI, dan sekali gus mempengaruhi pencerakinannya dalam kamus-kamus ekabahasa yang disusun.

### **2.3 Pengendalian Kata Ganda Dalam Karya Leksikografi Melayu/Indonesia**

Penerapan kata ganda dalam kamus-kamus ekabahasa Melayu/Indonesia bermula apabila kaedah penyusunan yang sebelumnya berupa daftar kata atau glosari beransur-ansur berubah dalam bentuk kamus. Sememangnya tradisi permulaan perkamusinan Melayu/Indonesia bermula dengan disiplin yang agak longgar apabila bentuknya tidak menepati ciri-ciri sebuah kamus, tetapi lebih kepada bentuk daftar kata atau glosari. Fenomena ini telah memberi peluang kepada penyusun kamus memasukkan pelbagai maklumat bersesuaian dengan konsep kamus sebagai linguistik terapan yang garapannya mencakup teknik dan metode penyusunan. Untuk menyokong keperluan

praktis dalam bidang perkamusian yang pada prinsip ilmunya dikenali sebagai leksikografi, diperlukan ilmu leksikologi yang menangani '*the nature, meaning, history and use of words and word elements and often also with the critical of description of lexicography*' (Tom Mcarthur 1992:606). Sebagai bidang ilmu yang bersifat antara disiplin, diperlukan pula ilmu-ilmu lain sebagai penunjang seperti semantik, pragmatik, fonologi dan morfologi. Sehubungan dengan itu, morfologi sebagai lampiran yang menunjang kamus telah mula dimasukkan bermula dengan kamus *A Dictionary of the Malayan Language*, susunan Marsden pada 1812. Kamus ini disifatkan oleh Yusuf Hitam (1961:155) sebagai kamus Melayu pertama yang disusun secara saintifik dengan sistem ejaan rumi yang bentuknya berasaskan kerangka bahasa Barat. Kamus ini telah mula menerapkan unsur infleksi dan derivasi, tetapi tidak ada usaha untuk memasukkan kata ganda (Abdullah Hassan 1984: 5). Selepas itu muncul beberapa buah kamus seperti *A Grammar and Dictionary of Malay Language*, susunan John Crawford pada 1852 yang ternyata tidak dapat menandingi kamus yang diusahakan oleh Marsden, dari segi persembahan entri dan penerapan bentuk morfologinya.

Untuk kajian ini sebanyak empat buah kamus yang diterbitkan sepanjang abad ke-20 telah dipilih untuk melihat pola pengendalian kata ganda sebelum serta selepas penerbitan **KD** dan **KBBI**. Keempat-empat buah kamus ini dipilih kerana berasaskan kedudukan penerbitan kamus-kamus tersebut yang mempengaruhi dunia perkamusian Melayu/Indonesia. Kamus tersebut ialah *A Malay-English Dictionary*, susunan R. J. Wilkinson pada 1901, *Kamus Bahasa Melayu* susunan R.O. Winstedt pada 1960. Di samping itu, terdapat dua buah kamus umum ekabahasa yang dianggap berpengaruh dalam dunia perkamusian Melayu/Indonesia iaitu *Kamus Umum Bahasa Indonesia* susunan J. S. Badudu dan Sutan Muhammad Zain pada 1994 dan *Kamus Umum Bahasa Indonesia* susunan W.J.S Poerwadaminta pada 1976.

Pola pengendalian kata ganda dalam kamus-kamus yang dipilih akan diteliti mengikut status masukannya sama ada bertaraf *lema* (lem.), *sublema* (subl.), *prakategori* (prak.), dan *rangkai kata* (r.kt), *variasi* (var), *rujuk silang* (r.s) dan *polisemi* (poli). Lema atau entri ialah kata masukan dalam kamus . Sublema atau subentri ialah masukan dalam kamus yang merupakan bahagian yang diturunkan dari lema. Prakategori dapat digolongkan sebagai morfem dasar yang belum mempunyai kelas, tetapi mempunyai makna leksikal yang keterikatannya pada imbuhan atau pada morfem dasar lain untuk membentuk kata. Rangkai kata disifatkan sebagai kelompok beberapa kata atau dalam **Kamus Linguistik** (1997:196) disifatkan sebagai frasa. Variasi merupakan bentuk yang digunakan seagai pilihan. Dalam **KD** terdapat dua variasi iaitu variasi kata dan variasi ejaan (**KD** 1997:xxxviii). Rujuk silang merupakan tanda arah untuk menghubungkan kata dengan kata lain yang mempunyai keterikatan makna dan pemeriamnya dalam sesebuah kamus. Manakala polisemi pula membawa pengertian sebagai perkataan yang dapat dikaitkan dengan berbagai-bagai makna yang berbeza, tetapi masih berkaitan. Ketujuh-tujuh pola ini akan diberi fokus untuk menelusuri pola pengendalian kata ganda dalam kamus-kamus yang diterbitkan, termasuklah **KD** dan **KBBI**.

i. Wilkinson, R.J 1959. *A Malay-English Dictionary*

*A Malay-English Dictionary* susunan R. J. Wilkinson yang diterbitkan pertama kalinya pada 1901, disifatkan oleh sarjana bahasa sebagai kamus dwibahasa yang terbesar dan bercirikan ensiklopedia Melayu klasik. Ada sarjana bahasa yang mengatakan kamus ini sebagai kamus filologikal yang terbaik bersesuaian dengan konsep kamus filologikal iaitu sebuah kamus yang disusun dengan menggunakan koleksi manuskrip Melayu sebagai sumber kata dan mengemukakan contoh-contoh penggunaan kata-kata tertentu dengan memetik ayat-ayat yang ditemui dalam manuskrip Melayu tersebut (Siti Hawa Haji Salleh 1994: 11-13). Kosa kata kamus ini banyak memuatkan persuratan klasik di

samping bidang sains seperti zoologi, tumbuh-tumbuhan dan sebagainya. Pola pemasukan kata ganda dapat dilihat seperti berikut.

Bentuk	Contoh	Status
<i>Kata Ganda Semu</i>	kanak kanak-kanak kuda kuda-kuda kupu.I kupu-kupu kura.kura-kura labi.labi-labi paru I.paru-paru	prak. subl. subl. prak. prak. prak.
<i>Kata Ganda Separa</i>	lelabi lelabu lelaki peparu	lem. lem. lem. lem.
<i>Kata Ganda Berentak</i>	gelap G.gulita kaya K.-raya komat.komat-kamit lalu L. la lang lauk L. pauk pontang.pontang-panting susup susup-sasap	r. kt prak. r. kt prak. r. kt r. kt prak. subl.
<i>Kata ganda Berimbuhan</i>	i. <i>akhiran</i> bau bau-bauan sayur s.-sayuran tumboh tumboh-tumbohan	subl. r. kt subl.
	ii. <i>apitan</i> biru kebiru-biruan	subl.

<i>iii. sisipan</i>	
awan	r.kt
a.kemawan	
gilang	
G.-gemilang	r. kt
turun	
T. temurun	r.kt

---

### Carta 2.2: Status Kata Ganda Dalam Kamus Wilkinson

Ternyata Wilkinson sudah menerapkan secara serius beberapa bentuk kata ganda dalam kamus yang disusunnya. Dengan bersumberkan naskhah dan manuskrip lama sebagai bahan korpus kamusnya, Wilkinson dapat mengetengahkan empat bentuk kata ganda yang dianggap dominan digunakan dalam bahasa Melayu, iaitu kata ganda semu, kata ganda separa, kata ganda berentak dan kata ganda berimbuhan. Berdasarkan statusnya dalam kamus, kecuali kata ganda separa yang garapannya agak seragam yang bertaraf sebagai lema, bentuk-bentuk kata ganda yang lain menampakkan kepelbagaian taraf pemasukannya. Bagi kata ganda semu terdapat kepelbagaian status pemasukan sama ada sebagai prakategori atau sebagai sublema. Manakala untuk kata ganda berentak, ada yang bertaraf prakategori, rangkai kata, atau sebagai sublema. Seterusnya untuk kata ganda berimbuhan, ada yang diberi taraf sebagai rangkai kata atau sublema. Namun kepelbagaian ini tidak sedikit pun menjelaskan kredibiliti kamus ini sebagai karya *magnum opus* perkamusinan Melayu/Indonesia yang dihasilkan pada awal abad ke-20. Ini kerana sebagai sebuah kamus dwibahasa Melayu-Inggeris terawal, sudah ada keyakinan di kalangan sarjana Barat untuk menerapkan bentuk morfologi seperti ini dalam kamus-kamus yang disusun.

### ii. Winstedt. Richard, 1960. *Kamus Bahasa Melayu*

Kemunculan R.O. Winstedt selepas itu telah menyemarakkan lagi aktiviti penyusunan kamus kerana Winstedt disifatkan sebagai sarjana British yang paling produktif dan

paling banyak menyusun kamus Inggeris-Melayu. Di samping *Kamus Bahasa Melayu* pada 1960, Winstedt juga menyusun *A Practical Modern Malay-English Dictionary* yang kali pertama diterbitkan pada 1958, *An English Malay Dictionary* pada 1922, *Dictionary of Colloquial Malay* pada 1939, dan *An Unabridge English-Malay Dictionary* pada 1958. *Kamus Bahasa Melayu* mempunyai cara susunan dan pembutiran maklumat yang hampir sama dengan cara menangani kamus dwibahasa. Penerapan kata ganda dapat dilihat seperti carta 2.3.

Bentuk	Contoh	Status
<i>Kata Ganda Penuh</i>	hampir...;hampir-h. kalau...;kalau-k. pagi...; pagi-p.	prak. prak. prak
<i>Kata Ganda Semu</i>	agar I...III.agar-a biri I..II.biri-b. kisi-kisi I kabu-kabu, kekabu kura I...II.kura-k. labi-labi, lelabi laki ...;laki-l. paru-paru, peparu siku...;siku-s.	prak. prak. lem. lem prak. lem. prak. lem. prak.
<i>Kata Ganda Separa</i>	kekabu = kabu-k kekura = kura lelabah = labah-l. lelaki = laki-laki	lem lem lem lem
<i>Kata Ganda Berentak</i>	cholar-chalar jendal-jendul kolang-kaling kusut k.masai	lem lem. lem r.kt

lauk		
l.-pauk	r.kt	
lintang		
l. pukang	r.kt	
polang-paling	lem	
serba		
s.serbi	r.kt	

---

*Kata Ganda Berimbahan*

i. awalan	<i>beR-</i>	
	jalan	
	berjalan-j.	subl.
	<i>meN-</i>	
	kira	
	mengira-(ngira)	subl.
	<i>teR-</i>	
	mimpi	
	termimpi-m.	subl.
	<i>se-</i>	
	akan	
	sa-akan-a	subl.
ii. akhiran	<i>-an</i>	
	buah	
	Buah-buahan	subl.
	bunga	
	bunga-bungaan	subl.
	kenang	
	kenang-kenangan	subl.
iii. apitan	<i>beR~~~an</i>	
	kaseh	
	<i>berkaseh-kasehan</i>	subl.
	<i>ke~~~an</i>	
	hitam	
	<i>kehitam-hitaman</i>	subl.
	<i>se~~~nya</i>	
	lewat	
	<i>sa-lewat-L.-nya</i>	subl.
iv. sisipan	ayun	
	<i>ayun-temayun</i>	subl.
	gilang-gemilang	lem
	turun	
	<i>turun-temurun</i>	subl.

---

Carta 2.3 : Status Kata Ganda Dalam Kamus Winstedt

Seperti Wilkinson, Winstedt juga berkecenderungan untuk memasukkan pelbagai bentuk kata ganda dalam kamus yang disusun. Dalam kamus ini, Winstedt telah memasukkan kelima-lima bentuk kata ganda yang dominan dalam BM. Pola pengendalian kata ganda penuh dan kata ganda separa agak seragam sehingga semua entrinya diberi status sama ada sebagai lema atau sebagai rangkai kata. Namun untuk kata ganda semu, kata ganda berentak dan kata ganda berimbahan menampakkan kepelbagaiannya sehingga ada bentuk kata ganda tersebut bertaraf lema, sublema dan rangkai kata. Bagaimanapun usaha Wilkinson dan Winstedt harus dipuji kerana kedua-dua sarjana ini meletakkan asas yang kukuh dalam usaha menerapkan beberapa bentuk morfologi untuk kamus-kamus seterusnya. Kedua-dua buah kamus ini sudah menggarap secara serius beberapa bentuk morfologi yang disifatkan sebagai salah satu faktor penunjang dalam aktiviti penyusunan kamus ekabahasa.

iii. W.J.S Poerwadaminta 1976. *Kamus Umum Bahasa Indonesia*

*Kamus Umum Bahasa Indonesia* pada 1952 susunan W.J. S Poerwadaminta telah dikemas kini oleh Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa Indonesia dan diterbitkan semula pada 1976, dengan tambahan sebanyak 1 000 entri. Kamus ini disusun atas dasar bahan-bahan yang autentik dan cukup berdokumentasi. Pola pemasukan kata kata ganda dapat dilihat seperti carta 2.4.

Bentuk	Contoh	Status
<i>Kata Ganda Penuh</i>	hampir hampir-hampir kira kira-kira pagi pagi-pagi	subl.  subl.  subl.

<i>Kata Ganda Semu</i>	kanak-kanak kuda kuda-kuda kura II, kura-kura paru, paru-paru rama, rama-rama	lem. subl. prak. prak. prak.
----------------------------	----------------------------------------------------------------------------------------------	------------------------------------------

<i>Kata Ganda Separa</i>	lelabi-->labi-labi lelaki peparu	lem. lem. lem.
------------------------------	----------------------------------------	----------------------

<i>Kata Ganda Berentak</i>	hina ~ <i>dina</i> kacau kacau-balau kusut ~ <i>masai</i> kolang-kaling lauk ~ <i>pauk</i> polang-paling pontang-panting rempah ~ <i>ratus</i> sayur sayur-mayur susup, ~ sasap	r. kt subl. lem. r. kt lem. r. kt subl. prak.
--------------------------------	------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------	--------------------------------------------------------------------

<i>Kata Ganda Berimbahan</i>	<i>i. awalan</i> angan berangan-angan <i>ii. akhiran</i> bau bau-bauan <i>iii. apitan</i> anak keanak-anakan hari sehari-haraihan <i>iv. sisipan</i> awan ~ <i>kemawan</i> gilang-gemilang tayum-temayum turun ~ <i>temurun</i>	subl. subl. subl. subl. subl. r. kt lem. lem. r. kt
----------------------------------	------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------	-----------------------------------------------------------------------------

---

Carta 2.4: Status Kata Ganda Dalam Kamus Poerwadaminta.

Kamus yang disusun oleh Poewadaminta ini jelas mempunyai kekuatannya yang tersendiri yang jauh lebih baik daripada penerbitan pertamanya pada 1958. Sentuhan para penyusun kamus Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa yang mengemaskinikan kamus ini dari beberapa aspek, terutama aspek morfologi telah mengangkat martabat kamus ini sebagai sebuah kamus umum yang boleh diakui kewibawaannya. Kamus ini telah menerapkan kelima-lima bentuk kata ganda, iaitu kata ganda penuh, kata ganda semu, kata ganda separa, kata ganda berentak, dan kata ganda berimbuhan serta kata ganda separa berimbuhan. Walaupun kamus ini tidak memberi input semaksimum mungkin konteks penggunaan kelima-lima kata ganda tersebut, terdapat usaha daripada pihak penyusunnya untuk mengetengahkan beberapa contoh yang difikirkan agak penting untuk renungan para penyusun kamus seterusnya. Dalam kamus ini pola pengendalian kata ganda penuh agak seragam sehingga semuanya diberi status sebagai sublema. Begitu juga untuk kata ganda separa yang pola pemasukannya bertaraf sebagai lema. Namun terdapat kepelbagai pola pemasukan untuk kata ganda semu, kata ganda berentak dan kata ganda berimbuhan. Dalam kata ganda semu, ada kata ganda tersebut diberi status sebagai lema, sublema, dan prakategori. Manakala untuk kata ganda berentak ada yang diberi taraf sebagai lema, prakategori, rangkai kata, atau sublema. Seterusnya untuk kata ganda berimbuhan, ada yang diberi status sebagai lema, rangkai kata, dan sublema. Di samping itu Poerwadaminta juga menerapkan satu contoh kata ganda separa berimbuhan yang diberi status sebagai sublema. Pola sedemikian mempunyai pengaruhnya dalam kamus sehingalah menjadi salah satu bentuk masukan dalam kamus-kamus ekabahasa seterusnya, termasuklah **KD** dan **KBBI**.

**Kamus Moderen Bahasa Indonesia** (tanpa tarikh) susunan Sutan Muhammad Zain telah dikemaskinikan semula oleh J. S. Badudu dan diterbitkan dengan memakai judul **Kamus Umum Bahasa Indonesia** pada 1994. Edisi lama kamus ini mempunyai jumlah entri sebanyak 12 645, manakala edisi baru mempunyai 24 030 jumlah entri. Kamus ini telah mengalami beberapa perubahan dan menjadi rujukan utama dari segi kebahasaan dan kosa kata. Status masukan kata ganda dapat dilihat seperti carta 2.5.

Bentuk	Contoh	Status
<i>Kata Ganda Penuh</i>	duduk duduk-duduk lagi lagi-lagi pagi pagi-pagi sungguh sungguh-sungguh	subl.  subl.  subl.  subl.  subl.
<i>Kata Ganda Semu</i>	kanak-kanak kuda-kuda kura-kura paru-paru rama-rama	lem. lem. lem. lem. lem.
<i>Kata Ganda Separa</i>	lelaki lelawar peparu	lem. lem. lem.
<i>Kata Ganda Berentak</i>	hina hina dina hiruk hiruk-pikuk kacau kacau balau kelak-keluk kusut kusut masai	subl.  subl.  subl.  subl.

kolang-kaling	lem.
lauk	
lauk-pauk	subl.
polang-paling	lem.
sayur	
sayur-mayur	subl.

---

<i>Kata Ganda Berimbuhan</i>	<i>i. awalan</i>	
	angguk	
	mengangguk-angguk	subl.
<i>ii. akhiran</i>	bau	
	bau-bauan	subl.
	sayur	
	sayur-sayuran	subl.
<i>iii. apitan</i>	anak	
	keanak-anakan	subl.
	hari	
	sehari-harian	subl.
<i>iv. sisipan</i>	gilang, gilang-gemilang	prak.
	turun	
	turun-temurun	subl.

---

Carta 2.5 : Status Kata Ganda Dalam Kamus Badudu-Zain

Seperti juga kamus Poerwadaminta, kamus yang pada asalnya susunan Sutan Mohammad Zain juga mengalami pengemaskinian sehingga menempatkannya setaraf dengan kamus-kamus ekabahasa lain. Kamus yang dikemaskinikan oleh J. S. Badudu ini mempunyai kekuatannya yang tersendiri dan disebabkan kelahirannya selepas **KBBI** yang edisi pertama diterbitkan pada 1988, sudah tentu banyak membantu kamus ini sama ada dari segi leksikal, mahupun tatabahasanya. Ini sekali gus memberi kesempatan kepada penyusun untuk memantapkan beberapa bentuk morfologi dalam kamus, terutamanya kelima-lima bentuk kata ganda yang dibincangkan sebelum ini. Dalam kamus ini, daripada lima bentuk ganda tersebut, hanya dua bentuk yang memperlihatkan kepelbagaiannya status masukannya dalam kamus iaitu kata ganda berentak dan kata ganda

berimbuhan. Manakala untuk bentuk kata ganda yang lain menampakkan keseragamannya iaitu kata ganda penuh diberi status sebagai sublema, dan kata ganda semu serta kata ganda separa diberi taraf sebagai lema. Untuk kata ganda berentak, terdapat dua pola pemasukannya sama ada sebagai lema atau sebagai sublema. Manakala untuk kata ganda berimbuhan diberi taraf sebagai prakategori atau sebagai sublema. Walaupun terdapat sedikit kerancuan dari segi persembahan pola pemasukannya, ternyata pola pemasukan kata ganda dalam kamus ini menampakkan kemantapannya. Ini memberi input yang amat penting kepada penyusun kamus seterusnya sewaktu menangani beberapa bentuk morfologi dalam kamus.